

Surat terbuka buat Muhyiddin, Azmin dan Saifuddin

Malaysiakini

10 Julai 2020

Dr Dzulkefly Ahmad

ULASAN | Surat terbuka ini penulis tujukan kepada bekas rakan-rakan kabinet Pakatan Harapan (PH), khasnya Muhyiddin Yassin selaku perdana menteri kelapan, Azmin Ali dan Saifuddin Abdullah.

Lama penulis tunggu untuk terbitkan surat terbuka ini, kerana permintaan PM8, supaya 'jangan berpolitik' semasa Covid-19. Arahan itu nyata sukar dilaksanakan beliau sendiri. Rasa terpanggil untuk terbitkan setelah membaca penulisan Prof Ulung Shamsul Amri.

Tahniah dan syabas seluruh 'frontliners' di seluruh negara, berjaya mengawal penularan virus SARS CoV-2 dengan berkesan. Kedepan ini, jangan bermudah-mudah dan selesa.

Ya, sangat berat dan terlalu besar impak sosio-ekonominya kepada negara dan dampaknya ke atas seluruh kehidupan rakyat bukan kepalang.

Justeru PM8 dan kerajaan Perikatan Nasional (PN) jangan ambil kredit keterlaluan, atas kerja gigih dan berterusan warga besar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta penggemblengan komitmen seluruh segmen masyarakat (swasta, NGO, dan lain-lain).

Empat pakej rangsangan dilaksanakan menelan RM65bilion. RM20 bilion dimulakan kerajaan PH sejak Disember 2019. Berbelanja sebegini sememang mudah. Lebih besar peruntukan lebih baik untuk ringankan bebanan rakyat.

Hanya diralati, perbelanjaan besar ini tidak langsung kerajaan PN izinkan dibahas dan dilulus di Parlimen. Lebih demokratik andainya, Parlimen bersidang seperti negara-negara lain.

Surat terbuka ini tidak berhajat mengulangi kronologi 'Langkah Sheraton' yang sarat dengan 'tipu-helah' dan 'kecurangan'. Cukuplah.

Kepada yang masih musykil sila rujuk video terbitan mantan Menteri Belia & Sukan, YB Syed Sadiq. Buat penulis, video ini paling epik, tuntas serta autoritatif.

Sebaliknya, tujuan surat ini adalah bagi mewakili rakyat-pengundi yang telah memandatkan PH untuk memahami, kenapa tuan-tuan rancang dan dalangi kesemua ini? Mereka mahu kepastian.

Sebabnya mudah? Sejak 21 bulan kita bersama-sama memimpin Kerajaan PH, dalam jatuh-bangun, suka-duka, baik-buruk dan kalah-menang PH setiap PRK, kita harungi segalanya, bersama.

Seikhlasnya, kami simpati Muhyiddin yang terpaksa bertarung nyawa dengan masalah kesihatan, menyebabkan beliau terkadangkali tidak bersama. Tetap kami panjatkan doa dan solat hajat.

Hampir setiap minggu mesyuarat jemaah menteri diadakan. Semua berhak bersuara, mengemuka usul, berbicara atas apa jua tajuk dan agenda. Dr Mahathir Mohamad selaku perdana menteri izinkan semua, terkadangkali mengundang kontroversi, sensitiviti, emosi serta suhu tinggi.

Seingatan penulis, tuan-tuan tidak pernah mengusulkan 'ketidakpuasan' atau 'penentangan' terhadap isu atau pihak serta golongan tertentu. Seolah-olah tidak ada 'pertikaian besar'.

Surat terbuka ini ulangi rakaman keberanian Muhyiddin menentang kleptokrasi PM6 sehingga dipecat. Juga terserlah penentangan Muhyiddin terhadap PAS semasa berkempen.

Mengikut rakaman, Muhyiddin pernah sebut PAS 'Parti Ajaran Sesat' dan parti

'Penunggang Agama'. Penulis sendiri belum pernah buat kenyataan sehebat atau sedahsyat itu!

Azmin pula, lebih 'ngeri' lagi herdikannya terhadap Umno dan PAS. Apa lagi yang tidak dikatakan Azmin terhadap Umno?

Nah, apakah semua itu kini, adalah 'wayang' dan 'silap-mata' tuan-tuan? Pastiya tidak wajar kalau kini penulis tuduh itu semua sebagai lakonan tuan-tuan!

Pertikaian ini tidak lagi bererti. Jelasnya, tuan-tuan korbankan prinsip-prinsip perjuangan, kompas moral serta pendirian politik tuan-tuan apabila bersedia 'bersekongkol' dengan PAS-Umno untuk menjatuhkan kerajaan dimandat rakyat.

Bolehkah diterima rakyat-pengundi PH bahawa segala ini dilakukan, hanya kerana Muhyiddin mengambil peluang, sekali dalam seumur hidupnya, untuk diangkat menjadi PM8? Semudah begitu sahaja?

Bolehkah pengundi PH terima dakwaan Muhyiddin bahawa segala-galanya adalah kononnya untuk 'menyelamatkan negara'...meskipun terpaksa 'bekerjasama' dengan kleptokrat Umno dan golongan yang bermuafakat dengan mereka, untuk menjatuhkan kerajaan PH? Amat ironis dan songsang sekali!

Di sebalik seluruh rentetan kebrantakan politik termasuk mendapat persetujuan Dr Mahathir dengan 'rancangan rapi' tuan-tuan untuk tinggalkan PH, tersimpan satu persoalan besar yang surat terbuka ini menuntut untuk dijawab!

Persoalan maha besar dan maha penting ini mestilah dijawab tuan-tuan dengan lidah yang fasih dan hati yang jujur.

Surat terbuka ini mendakwa, sementara ahli kabinet PH yang lain berusaha gigih membangunkan negara dengan cita-cita murni "kemakmuran bersama", Tuan-Tuan tidak bersama kami, bahkan sebalik sebaliknya merancang secara sulit menjatuhkan kami.

Surat terbuka ini juga mendakwa, sementara kami berusaha keras membina kembali sebuah negara yang inklusif dan adil, demokratik dan bersih.... berteraskan tujuan-tujuan besar Syariah (Maqasid Syariah)... buat merealisasikan 'keharmonian dan kesejahteraan perhubungan antara kaum serta penghormatan antara agama'....

Tuan-tuan menyangsi serta menyimpan penentangan terhadap cita-cita murni kami ini.

Maka apakah benar kalau surat terbuka ini mendakwa bahawa 'Cita-Cita &

Impian Malaysia Baru' atau 'The New Malaysian Dream' yang kami perjuangkan sememangnya berbeza dengan Malaysian Dream yang tuan-tuan impikan? Bilakah bermula episod 'tidur sebantol, tetapi mimpi lain-lain' ini? 21 Februari atau lebih awal lagi?

Hari ini tuan-tuan mahu rakyat percaya bahawa segala-gala yang kami lakukan dalam 21 bulan dalam kerjaan PH kononnya adalah salah dan tersasar? Ataupun tuan-tuan sebenar-benarnya yang tidak pernah memahami, apatah lagi untuk menghayati cita-cita dan perjuangan PH yang kita sepatutnya dukung bersama?

Nah, surat terbuka ini ingin bertanya, apakah tuan-tuan juga turut mendakwa bahawa segala-galanya adalah berpunca dari DAP, sebagai parti yang kononnya menjadikan sebab kerajaan PH itu salah dan tersasar?

Apakah benar bahawa kesemua perubahan sikap ini terbit dari 'jalur pemikiran politik' yang tuan-tuan baru anuti dan dokongi sejak akhir-akhir ini ataupun mungkin juga sudah untuk kesekian lamanya?

Sementara surat terbuka ini bersedia menerima kelemahan mahupun kesilapan individu-individu pemimpin mahupun parti-parti komponen PH termasuk dari DAP, apakah rasional atau wajar untuk meletakkan segala-gala punca masalah kerajaan PH berpusat dan bermula dengan DAP dan kerana DAP?

Apakah tuan-tuan juga turut menuduh seluruh dasar-dasar PH ditentukan oleh DAP dan PH kononnya diperkudakan dan dikontrol sepenuhnya oleh DAP? Masuk akal ke itu? Dan DAP cita-citanya adalah untuk memusnah Melayu?

Mungkin tuan-tuan tidak suka atau benci DAP, itu munasabah. Tetapi kalau segala-gala adalah salah DAP, itu tidak munasabah! Itu zalim namanya! Tuan-tuan wajar dan wajib jawab kerana tuan-tuan juga adalah ahli Kabinet! Kalau kami tunggul, mungkinkah tuan-tuan pun sama tunggul? Kalau kami penakut, maka tuan-tuan juga sama penakut ke?

Lupakah kita dengan satu amaran keras dari Pencipta Yang Maha Agung dalam FirmanNya supaya kita sama-sama ambil peringatan tentang melakukan kezaliman terhadap sesuatu kaum atau pihak.

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran;

“Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil, kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa.”

Ya, kita boleh berbeza pandangan politik, bahkan boleh bersaing dan 'bertentangan' di pentas demokrasi secara sivil, tetapi jangan turlarkan politik kebencian dan politik peras-ugut serta ketakutan, kerana ia akan menjurus kepada sikap kezaliman.

Akhir sekali, penulis kembali tegaskan bahawa PH adalah usaha 'Koalisi Politik Kontemporari' oleh golongan Muslim Demokrat. Kami amat memahami tuntutan bersilang antara kaum dan agama yang kerap menjadi pertikaian.

Namun kami bercita-cita membangunkan sebuah negara-bangsa yang memahami tuntutan 'kepelbagaian' (diversity) sebagai realiti sosio-demografik negara bertuah ini.

PH adalah komitmen politik Muslim Demokrat yang dipimpin Anwar Ibrahim yang kini menggembheng usaha bersama Dr Mahathir dan Shafie Afdal untuk mengangkat daya saing ekonomi negara serta maruah dan martabat negara di kaca mata dunia.

Cita-cita murni kami adalah untuk melahirkan kepimpinan Melayu-Islam (Malay/Muslim-led Govt) yang teguh, berprinsip, jujur-amanah dan kompeten. Kami pasakkan perjuangan ini dengan berlandaskan tuntutan tujuan-tujuan besar Syariah (Mqasid Syariah), cita-cita mendukung "Islam dalam mengurus

kepelbagaian' serta "kepelbagaian dalam bingkai kesatuan" seperti yang dituntut dalam agama Islam.

(Sila rujuk kitab "al-Islam wa al-Tanawwu' : al-Ikhtilaf wa al-Tanawwu' fi Itar al-Wihdah - Islam dan Pluraliti : Perbezaan dan Kepelbagaian dalam Bingkai Kesatuan - karangan tokoh besar pemikiran Islam.kontemporari, Dr Muhammad 'Imarah.

Hari ini tuan-tuan telah nyata meninggalkan 'Jalur Pemikiran Muslim Demokrat,' yang didukung oleh PH. Amat ironis dan malang sekiranya tuan-tuan cenderung dan memilih untuk menganuti Pemikiran Jalur Pemikiran Kanan (Far Right) yang mengadu-domba permusuhan antara kaum secara sempit dan perseteruan antara agama secara ekstrem.

Namun semua itu akhirnya adalah hak masing-masing. Cuma rakyat mahukan kejelasan halatuju atau 'clarity of intent-purpose'. Tegasnya, pimpinan PH bebas dari terperangkap dalam 'time-warp' 'politik identiti' dan pemikiran terkepung' (siege mentality) 'Jalur Pemikiran Bangsa' secara keterlaluan serta bersadurkan agama secara emotif.

Semoga surat terbuka ini akan memulakan satu 'National Conversation' - 'Bicara Nasional' - dalam rangka ke arah 'nation rebuilding' tanah air bertuah ini.

Surat terbuka ini merakamkan pelbagai persoalan yang perlu dijawab khasnya oleh tuan-tuan. Jutaan terima kasih kerana sudi membaca. Pohon jutaan maaf atas laras bahasa yang tidak dapat dielakkan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/533782>